

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)

TARIKH : 5 OGOS 2020

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan ke atas pemimpin UMNO yang menyebarkan berita palsu bahawa anak saya ditahan di Lapangan Antarabangsa Singapura dengan wang tunai RM2 juta dan saya sendiri terbang ke Singapura untuk menyelamatkan anak saya pada bulan Februari yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri tidak akan berkompromi dengan sebarang penyebaran berita palsu. Penyebaran ini akan ditangani dengan mengambilkira kepentingan keselamatan dan ketenteraman awam secara menyeluruh berlandaskan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan mahupun Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Siasatan yang dijalankan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan dilaksanakan secara teliti bagi memastikan tindakan yang diambil boleh mengelakkan penyebaran fitnah dan berita-berita palsu yang semakin berleluasa.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah membuka kertas siasatan bagi penyebaran berita palsu bahawa anak YB Tuan Lim Guan Eng ditahan di Lapangan Antarabangsa Singapura dengan wang tunai RM2 juta dan beliau sendiri terbang ke Singapura untuk menyelamatkan anaknya pada bulan Februari yang lalu . Kes ini disiasat di bawah Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan berhubung kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam dan 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Siasatan telah lengkap dijalankan dan dimajukan kepada Jabatan Peguam Negara pada 13 Mei 2020.